

Tiga agensi diminta proaktif

DARI MUKA 1

Rafidah Aziz dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Effendi Norwawi; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Selasa lalu, Perdana Menteri mengumumkan tender bagi 880 projek pembangunan baru di bawah RMK-9 bernilai RM15 bilion akan dikeluarkan dalam tempoh terdekat. Daripada 880 projek itu, 455 akan dilaksanakan dengan peruntukan RMK-9, manakala 425 lagi menerusi inisiatif pembiayaan swasta (PFI).

Abdullah berkata, beliau juga meminta tiga agensi kerajaan iaitu pihak berkuasa tempatan (PBT), pejabat tanah dan pejabat daerah supaya lebih proaktif dalam membuat keputusan terutama dalam memproses permohonan projek RMK-9.

"Ketiga-tiga agensi kerajaan ini perlu mengelak daripada melakukan sebarang kesilapan ketika membuat keputusan, kerana ia akan menimbulkan masalah selepas RMK-9 dilaksanakan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, beliau mencadangkan supaya mesyuarat antara Menteri Besar dan Ketua Menteri diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali bagi membolehkan projek pembangunan dalam RMK-9 dipantau rapi.

Unit khas urus tanah

PM mahu tapak untuk laksana projek RMK-9 dapat kelulusan segera

Oleh Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Semua kerajaan negeri diarah mewujudkan unit khas bagi memudahkan proses kelulusan serta pengambilan tanah untuk tapak projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Arahan itu dikeluarkan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika mempengerusikan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Ke-100 bertemakan 'Kesepakatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri' di Kom-

"Unit khas itu perlu bagi mengelak kelewatan proses ambil alih tanah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

pleks Perdana Putra, di sini, semalam.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat itu, Perdana Menteri berkata, langkah mewujudkan unit khas itu perlu bagi mengelak kelewatan proses pengambilan tanah, yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Unit khas ini penting supaya projek dalam RMK-9 dapat dilaksanakan dengan cepat dan semua kerajaan negeri sudah diarah untuk memberi penekanan kepada usaha memudahkan proses pengambilan

tanah," katanya.

Mesyuarat itu dihadiri semua Menteri Besar dan Ketua Menteri, kecuali Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dan beberapa menteri Kabinet termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri

LIHAT MUKA 2